

## BAB IV

### KEBERKESANAAN PROGRAM BINA SAHSIAH BELIA JABATAN BELIA DAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

#### 4.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil kajian tentang keberkesanan pelaksanaan program bina sahsiah belia yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penilaian keberkesanan program ini diukur melalui beberapa aspek penerimaan sasaran terhadap program yang dilaksanakan dan sambutan mereka melalui program-program anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan agensi-agensi lain. Selain itu juga analisa ini diukur dari sudut kekerapan responden mengikuti program, dorongan dan pandangan responden ke atas program yang dilaksanakan memberi faedah atau tidak, faktor-faktor program dilaksanakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti, peningkatan dalam bidang ibadat khusus, ilmu, sosial, akhlak, ekonomi, pentadbiran, dapat menangani perkara-perkara negatif dan lain-lain. Kajian ini menggunakan metode penyelidikan seperti di bawah.

#### 4.2. Metode Kajian

Kajian keberkesanan Program Bina Sahsiah Belia adalah ditumpukan kepada golongan belia Islam sebagai responden yang tinggal di Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur. Ia meliputi 10 kawasan Parlimen (seperti lampiran B) iaitu kawasan; Batu, Kepong, Segambut, Bukit Bintang, Titiwangsa, Wangsa Maju, Lembah Pantai, Cheras, Seputih dan Bandar Tun Razak. Kajian ini berdasarkan kepada borang soalselidik (seperti di lampiran C) yang mengandungi 15 soalan dan telah diajukan kepada belia yang mengikuti program ini. Sebanyak 250 borang soalselidik telah diedarkan dan sebanyak 175 borang soalselidik dapat diterima daripada mereka.

Pemilihan lokasi kajian ini telah dikenalpasti dan pengedaran borang soalselidik kepada responden dengan kaedah melibatkan kesemua kawasan Parlimen tersebut. Kaedah ini dapat menunjukkan secara keseluruhannya tentang latarbelakang kehidupan responden yang berbeza di antara kawasan-kawasan tersebut. Pemilihan ini lebih wajar dan menampakkan ketepatan fakta untuk kajian ini. Kajian ini tidak mengambil kira kaedah *random sampling* dari sudut kawasan kerana semua 10 kawasan itu disoalselidik. Namun begitu kaedah *random sampling* digunakan terhadap responden.

Borang kajian soalselidik diedarkan kepada para belia melalui beberapa program bina sahsiah belia yang mengandungi tiga bentuk sepertimana yang diterangkan oleh penulis dalam bab 111 yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program yang terpilih dalam sampling ini ialah tiga program, dua program yang berbentuk latihan iaitu Kursus Asas Kefahaman Islam dan Kursus Qiadah Remaja serta satu program yang

berbentuk taqwim belia iaitu Program Rakan Muda di Masjid. Pemilihan program-program ini adalah sebagai mewakili semua Program Bina Sahsiah Belia yang lain dan dirasakan oleh penulis dapat membantu bagi mendapatkan hasil kajian ini.

Pemilihan program-program ini disebabkan oleh faktor-faktor sepetimana berikut;

1. Kursus Asas Kefahaman Islam. Pemilihan Kursus ini dibuat kerana kursus ini dihadiri oleh belia-belia seramai 100 orang belia bagi setiap kursus yang mereka ini belum lagi mempunyai sebarang pengalaman mengenai program bina sahsiah belia. Kursus ini merupakan kursus asas atau pengenalan awal pengetahuan Islam kepada belia sebagai syarat kepada mereka untuk menyertai lain-lain aktiviti seterusnya melalui program bina sahsiah belia.
2. Kursus Qiadah Remaja. Pemilihan kursus ini kerana kursus ini dihadiri oleh 40 orang belia bagi setiap kursus. Mereka terdiri daripada para pemimpin belia dan semua pesertanya telah mempunyai pengalaman serta pernah mengikuti beberapa aktiviti program ini sebelumnya. Selain berpengalaman di dalam program ini mereka juga berminat dan bersedia untuk menjadi kader-kader dalam membantu pihak Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di dalam pengendalian aktiviti-aktiviti yang berbentuk pembinaan sahsiah belia.

3. Program Rakan Muda di Masjid. Pemilihan program ini kerana satu-satunya majlis yang mengandungi ramai pesertanya melabih 1000 orang belia bagi mengikuti majlis tadarus dan khatam al-Quran peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di majlis ini juga dikira amat sesuai dari sudut mengumpulkan responden yang mewakili semua peserta mengikut 10 kawasan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini bermakna kehadiran peserta dalam majlis tersebut dihadiri oleh semua kawasan tanpa menentukan mana-mana kawasan dan jantina. Tambahan pula majlis ini merupakan satu-satunya program bina sahsiah belia yang terakhir mengikut kelendar perancangan tahunan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di bawah ini diterangkan bilangan pengagihan mengikut kawasan responden dan bilangan mereka mengikut jenis-jenis program seperti jadual berikut;

Pengagihan Borang mengikut Kawasan;

Bil.	Kawasan	Bil. Borang Yg. Diagih	Bil. Yg. Diterima
1.	Batu	25	15
2.	Kepong	25	10
3.	Segambut	25	18
4.	Bkt. Bintang	25	14
5.	Titiwangsa	25	21
6.	Wangsa Maju	25	25
7.	Lembah Pantai	25	21
8.	Cheras	25	17
9.	Seputih	25	15
10.	Bdr. Tun Razak	25	19
<b>JUMLAH</b>		<b>250</b>	<b>175</b>

Pengagihan Borang Berdasarkan Kepada Tiga Program ;

Bil.	Jenis Program	Jum. Agihan	Jum. Pulangan
1.	Kursus Kefahaman Islam	80	47
2.	Kursus Qiadah Remaja	80	54
3.	Program Rakan Muda Di Masjid	90	74
	<b>JUMLAH</b>	<b>250</b>	<b>175</b>

Penemuan hasil kajian ini akan dapat memberi suatu gambaran tentang sejauhmanakah pelaksanaan, penerimaan dan keberkesanan, masalah dan perkara-perkara yang perlu dibaiki terhadap program bina sahsiah belia Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya terhadap golongan belia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penemuan ini juga akan dapat membantu agensi berkenaan untuk merancang secara lebih berkesan bagi faedah golongan belia umumnya dimasa-masa akan datang.

#### **4.3. ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) ver. 10 for Windows*. Ia terdiri daripada dua bahagian iaitu analisis ke atas ciri-ciri sampel dan analisis ke atas sejauhmana keberkesanan program bina sahsiah belia Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ciri-ciri sampel yang dikaji ialah jantina, umur dan kelulusan akademik. Analisis seterusnya dibuat dengan menggunakan kaedah tabulasi bersilang yang bertujuan untuk membandingkan pembolehubah-pembolehubah yang dianalisis. Ia merupakan satu teknik untuk membandingkan dua kelas pembolehubah dengan menggunakan jadual yang mempunyai lajur dan baris yang mengandungi nilai bagi setiap lajur dan baris. Berdasarkan ujian ini, pengkaji dapat mengenalpasti sama ada pendapat yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan sampel mempunyai perbezaan yang signifikan atau sebaliknya.

#### **4.4. Ciri-ciri Sampel**

Sampel terdiri daripada belia-belia di Kuala Lumpur. Sebanyak 250 soal selidik diedarkan, hanya 175 responden yang memberikan jawapan lengkap (70.0%).

##### **4.4.1. Jantina**

Bagi melihat pecahan jantina responden yang diterima dari kajian ini adalah seperti jadual berikut;

JADUAL 4.1. Jantina Responden

<b>Jantina Responden</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	122	69.7
Perempuan	53	30.3
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Jadual 4.1, menunjukkan pecahan jantina bagi keseluruhan sampel. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 122 (69.7%) terdiri daripada responden lelaki manakala seramai 53 (30.3%) sahaja daripada responden perempuan dapat diterima daripada pengagihan borang-borang tersebut. Cara pengagihan borang berkenaan diberi kepada para belia sebanyak 125 borang bagi keseluruhan

kawasan dan program, manakala bagi beliawanis diedarkan sebanyak 125 borang juga mengikut kawasan dan program. Bagaimana pun borang-borang yang diterima daripada responden-responden berkenaan iaitu dari belia lelaki sebanyak 122 borang dan beliawanis sebanyak 53 borang sahaja. Walaupun terdapat perbezaan bilangan borang yang diterima antara belia lelaki dengan belia perempuan tetapi dirasakan tidaklah mencacatkan kajian yang dibuat kerana sampel responden mewakili bagi keseluruhannya.

#### 4.4.2. Umur

Di bawah ini diterangkan kedudukan taburan umur responden yang diterima adalah seperti berikut;

JADUAL 4.2. Umur Responden

Umur Responden	Bilangan	Peratus
Kurang 21 tahun	25	14.3
22-30 tahun	73	41.7
31-40 tahun	74	42.3
Lebih 40 tahun	3	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Kategori umur dipecahkan kepada empat kumpulan. Jadual 4.2, menunjukkan taburan umur responden. Majoriti responden terdiri daripada

individu yang berada dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 74 (42.3%) responden. Hanya tiga (1.7%) orang responden yang berumur melebihi 40 tahun dan 25 (14.3%) responden kurang dari 21 tahun. Ini bermakna bahawa responden yang berumur 31 hingga 40 tahun dirasakan lebih memberi tumpuan dan berkemampuan untuk mengikuti program-program seumpama ini.

#### 4.4.3. Kelulusan Akademik

Di dalam jadual ini dijelaskan kelulusan akademik responden sepertimana berikut;

JADUAL 4.3. Kelulusan Akademik Responden

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
Ijazah	27	15.4
Diploma	34	19.4
Menengah	108	61.7
Lain-lain (Sarjana)	4	2.4
Tiada jawapan	2	1.1
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Kertas soalselidik dibahagikan kepada empat kumpulan kelayakan akademik dari peringkat diploma dan ke bawah hingga ke peringkat ijazah dan sarjana. JADUAL 4. 3, menunjukkan kelayakan akademik responden. Bagi ahli

akademik, lulusan menengah mendahului kumpulan lain, iaitu sebanyak 108 (61.7%) orang responden. Pemegang diploma pula merupakan kumpulan kedua tertinggi di mana ia mewakili 19.4% atau 34 responden. Seterusnya diikuti dengan kumpulan pemegang ijazah, bagi responden yang lain-lain adalah terdiri dari pemegang sarjana iaitu empat responden (2.4%). Namun terdapat dua responden yang tidak menyatakan kelayakan akademik mereka.

Berdasarkan kepada penelitian dari hasil kajian terhadap beberapa aspek analisa di atas, maka dapat dirumuskan bahawa peratusan responden yang meminati dan menyukai program bina sahsiah belia sama ada ditinjau dari aspek jantina, peringkat umur dan taraf pendidikan adalah tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat belia menerima dan turut serta terhadap usaha-usaha program bina sahsiah belia yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada golongan belia. Ini merupakan suatu petanda baik kepada Jabatan ini dan pihak-pihak lain untuk memperbanyakkan lagi program-program seumpama ini supaya dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Selain dari itu kajian di atas juga dilihat bahawa dengan sambutan yang menggalakkan dari golongan belia terhadap program ini, maka peratus responden yang tinggi memberi jawapan bahawa mereka suka dan pernah mengikuti program-program tersebut di masa-masa yang lalu seperti huraihan di bawah ini;

#### **4.4.4. Pengalaman Dalam Mengikuti Program Bina Sahsiah**

Bagi menerangkan apakah responden pernah atau tidak pernah mengikuti program bina sahsiah belia seperti jadual berikut;

JADUAL 4.4. Pengalaman Responden

Maklumat	Bilangan	Peratus
Pernah Mengikuti	163	93.1
Tidak Pernah Mengikuti	12	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Pengalaman responden dalam mengikuti program ini penting bagi mengetahui keberkesanan program yang telah dijalankan oleh pihak berkenaan. JADUAL 4.4, menunjukkan jumlah responden yang pernah mengikuti program bina sahsiah belia. Terdapat 163 (93.1%) responden yang pernah mengikuti program ini, manakala hanya 12 (6.9%) responden yang tidak pernah mengikuti program.

Ini bermakna hasil kajian ini benar-benar dapat melihat dengan tepat dan jelas. Ini adalah kerana majoriti responden yang terlibat memberikan satu kesimpulan dan gambaran kasar bahawa mereka sering mengikuti secara keseluruhannya terhadap program bina sahsiah belia yang dianjurkan oleh Jabatan

Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana ianya sangat memberi kesan dan faedah kepada responden.

#### 4.5. ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM

##### 4.5.1. Program Bina Sahsiah Belia Yang Pernah Diikuti

Program bina sahsiah belia dianjurkan oleh berbagai pihak. Responden ditanya apakah mereka pernah mengikuti program-program bina sahsiah belia selain daripada anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jadual di bawah menerangkan jawapan kepada soalan tersebut seperti berikut;

JADUAL 4.5. Program Bina Sahsiah Yang Pernah Diikuti

Maklumat	Pernah Mengikuti		Tidak Ada Jawapan		Jumlah
	Bil.	%	Bil.	%	
Program Anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan K. L.	127	72.6	48	27.4	175
Program Anjuran Badan-Badan Kerajaan	84	48.0	91	52.0	175
Program Anjuran Bukan Badan Kerajaan	99	56.5	76	43.5	175

Berdasarkan kepada JADUAL 4.5, majoriti responden telah mengikuti program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 127 (72.6%). Seterusnya diikuti anjuran oleh bukan badan kerajaan 99 (56.5%) dan badan kerajaan sebanyak 84 (48.0%). Terdapat juga beberapa responden yang telah mengikuti program yang telah dianjurkan oleh semua pihak berkenaan.

Menyentuh tentang penyertaan golongan belia terhadap program bina sahsiah belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, beberapa orang peserta program ini telah memberi pendapat mengenainya. Menurut Encik Anuar Yaman, selaku pengurus persatuan belia dan peserta, beliau sering mengikuti program ini kerana ia sangat berfaedah kepada dirinya. Kebanyakan ahli-ahli persatuannya juga menunjukkan sikap yang positif dengan menyertainya jika diberi peluang. Sebagai contohnya, terdapat di kalangan mereka sering bertanya bilakah program hendak diadakan kerana mereka ingin mengikutinya, lebih-lebih lagi ia dilaksanakan di luar Kuala Lumpur (Temubual dengan Encik Anuar Yaman, Pengurus Persatuan Belia Sinaran Kampung Benteng, Segambut Kuala Lumpur pada 2/2/2001). Selain itu kajian ini juga mendapati, kebanyakkan responden pernah mengikuti program ini melebihi dua kali iaitu sebanyak 118 (67.4%).

Ini dapat disimpulkan bahawa majoriti responden pernah mengikuti program bina sahsiah belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang boleh menarik responden sering mengikutinya. Diantaranya selain program ini sangat berfaedah kepada mereka, program yang dianjurkan oleh Jabatan ini biasanya dilaksanakan di luar Kuala Lumpur. Mereka juga diberi wang saguhati sebagai ganti hilang mata pencarian sepanjang program diadakan dan lain-lain kemudahan lagi. Mungkin keadaan ini telah menarik minat responden dan dengan itu mereka sering mengikutinya dari masa kesemasa.

#### **4.5.2. Aktiviti-Aktiviti Yang Diikuti**

Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan beberapa bentuk aktiviti yang terkandung di dalam program bina sahsiah belia. Untuk mengetahui sama ada responden pernah mengikutinya seperti di dalam jadual di bawah;

Jadual 4.6. Aktiviti-Aktiviti Yang Pernah Diikuti

<b>Maklumat</b>	<b>Aktiviti-Aktiviti Yg. Pernah Di- ikuti</b>		<b>Tidak Ada Jawapan</b>		<b>Jumlah</b>
	<b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>Bil.</b>	<b>%</b>	
Kursus Asas Kefahaman Islam	62	35.4	113	64.6	175
Seminar Pembangunan Insan	53	30.3	122	69.8	175
Muzakarah Peringkat Kebangsaan	15	8.6	160	91.5	175
Ceramah Umum	116	66.3	59	33.7	175

Kem Bina Keluarga	58	33.1	117	66.9	175
Bengkel Sehari Nilai Murni	16	9.1	159	90.9	175
Kursus Kader Murni	13	7.4	162	92.6	175
Kursus Qiadah Remaja	36	20.6	139	79.5	175
Pertandingan Nasyid	23	13.1	152	86.9	175
Pertandingan Berzanji	17	9.7	158	90.3	175
Pertandingan Pidato	15	8.5	160	91.5	175
Imarah Masjid	37	21.1	138	78.9	175
Tadarus/Khatam al-Quran	120	68.6	55	31.5	175
Nostalgia AidilFitri	20	11.4	155	88.6	175
Takbir Malam Raya	44	25.1	131	74.9	175
Program Qurban	42	24	133	76	175

Bahagian ini bertujuan untuk melihat aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melalui program bina sahsiah belia. Sebanyak 16 program telah disenaraikan. Berdasarkan kepada hasil kajian merujuk JADUAL 4.6, didapati program tadarus/khatam al-Quran merupakan yang paling kerap disertai oleh responden 120 (68.6%). Diikuti dengan ceramah umum 116 (66.3%) dan kursus asas kefahaman Islam 62 (35.4%).

Program yang paling kurang diikuti oleh responden ialah kursus kader murni iaitu 13 (7.4%), muzakarah peringkat kebangsaan 15 (8.6%) dan

pertandingan pidato 15 (8.6%). Manakala program yang lain seperti kem bina keluarga, seminar pembangunan insan, takbir malam raya, program qurban dan lain-lain memberi keputusan yang hampir sama iaitu berada pada tahap pertengahan antara 10% hingga 25%.

Menurut Encik Mohamad Musa seorang peserta program ini , beliau dan rakan-rakannya sangat berminat untuk mengikuti program ini, jika sesuatu program itu boleh menghimpun jumlah belia yang ramai bagi satu-satu masa. Sebagai contohnya seperti program tadarus dan khatam al-Quran yang menghimpun lebih 1,000 orang peserta bagi satu-satu majlis itu. Dengan adanya majlis seperti ini beliau dapat berkenalan di antara satu sama lain dari seluruh kawasan. Selain itu katanya, pelaksanaan program lain amat kurang didapati, kerana beliau difahamkan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memilih program-program yang dianggap perlu dan berkesan untuk dilaksanakan. Begitu juga untuk menarik minat peserta, sesuatu program itu harus diadakan di luar Kuala Lumpur. Ini juga memerlukan kewangan yang tinggi bagi menampung perbelanjaan tersebut (Temubual dengan Encik Mohamad Musa pada 5/2/2001).

Dari analisa dan pendapat di atas bukan bermakna gologan belia kurang berminat untuk mengikuti program-program lain selain program rakan muda di masjid (tadarus/khatam al-Quran), ceramah umum dan kursus kefahaman Islam.

Mungkin keadaan ini terjadi disebabkan kurangnya peruntukan bagi mengadakan program-program tersebut secara lebih banyak atau secara keseluruhannya.

#### 4.5.3. Kekerapan Mengikuti Program

Di dalam jadual berikutnya diterangkan pengalaman responden terhadap program ini dengan melihat kekerapan mereka telah mengikutinya seperti jadual berikut;

JADUAL 4.7. Kekerapan Mengikuti Program

Kekerapan Mengikuti Program	Bilangan	Peratus
Sekali	22	12.6
Dua kali	22	12.6
Lebih dari dua kali	118	67.4
Tidak ada jawapan	13	7.4
Jumlah	175	100

Hasil kajian terhadap kekerapan responden dalam mengikuti program ditunjukkan dalam JADUAL 4.7, kebanyakan responden pernah mengikuti program ini melebihi dari dua kali iaitu sebanyak 118 (67.4%), manakala keputusan yang sama diperolehi bagi responden yang pernah mengikuti program sebanyak sekali dan dua kali iaitu 22 (12.6%). Bagi keputusan tidak ada jawapan

sebanyak 13 responden (7.4%) adalah merupakan responden yang tidak pernah mengikuti Program Bina Sahsiah.

Perangkaan di atas, jelas menunjukkan bahawa peratus tertinggi dan teramai menyertai program ini lebih dua kali. Keadaan ini merupakan satu petanda baik kepada strateji yang lebih sesuai terhadap program-program ini, dakwah dan sebagainya kerana golongan belia adalah merupakan aset kepada perkembangan dakwah di negara ini. Ini membayangkan bahawa peluang untuk membawa golongan belia kepada ketinggian sahsiah yang baik adalah terbuka luas.

#### **4.5.4. Pihak Yang Mendorong Mengikuti Program**

Di bawah ini pula dijelaskan siapa atau pihak manakah yang mendorong responden untuk mengikuti program bina sahsiah belia seperti jadual berikut;

JADUAL 4.8. Pihak yang Mendorong Mengikuti Program

Maklumat	Bilangan	Peratus
Diri Sendiri	147	84.0
Ibu Bapa/Keluarga	4	2.3
Arahan Majikan	10	5.7
Kawan-kawan	2	1.1

Persatuan	1	0.6
Tidak ada jawapan	11	6.3
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Dalam mengikuti sesuatu program pelbagai pihak memainkan peranan yang penting dalam mendorong seseorang selain dari diri sendiri untuk melakukan sesuatu perkara. Berdasarkan JADUAL 4.8, majikan merupakan pihak kedua iaitu 10 (5.7%) selepas diri sendiri 147 (84.0%) dalam mendorong responden untuk menghadiri program bina sahsiah ini. Seterusnya ialah peranan ibu bapa/keluarga iaitu memberikan keputusan sebanyak 2.3% atau empat responden. Manakala hanya dua (1.1%) responden sahaja didorong oleh pihak yang lain yang terdiri dari faktor kawan-kawan, satu (0.6%) responden dorongan oleh persatuan dan 11(6.3%) responden tidak menjawab

Sesuatu program atau aktiviti yang membina sahsiah yang berkesan mempunyai hubungkait yang rapat untuk mendorong kumpulan sasar untuk mengikutinya seperti dari segi pengisian program, masa, tempat dan sebagainya. Oleh itu merujuk kepada kajian di atas, didapati faktor terbesar yang mendorong responden menyertai program ini adalah didorong oleh diri sendiri. Jelaslah bahawa program yang diatur oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjaya dan berkesan menanamkan sahsiah kepada golongan belia.

#### 4.5.5. Kesan Program/Faedah Program

Bagi melihat keberkesanan program dari sudut yang mereka perolehi kerana mengikuti program ini jadual di bawah menjelaskannya;

JADUAL 4.9 Pendapat Tentang Penambahan Faedah Program

Maklumat	Bilangan	Peratus
Banyak Faedah	153	87.4
Sederhana Faedah	5	2.9
Kurang Faedah	2	1.1
Tiada Faedah	1	1.6
Tidak Pasti	2	1.1
Tidak Ada Jawapan	12	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Program yang telah dijalankan memberikan faedah kepada sesetengah pihak. Namun, terdapat juga beberapa program yang kurang memberi faedah kepada peserta yang mengikutinya. Majoriti responden menyatakan bahawa program yang pernah dikuiti berfaedah, iaitu 153 (87.4%), seterusnya lima (2.9%) responden merasakan sederhana faedahnya. Hanya tiga responden menyatakan bahawa program yang dijalankan kurang dan tiada faedah. Manakala terdapat

dua responden tidak pasti dengan keberkesanan program ini kepada penambahan dalam pengetahuan mereka dan 12 (6.9%) responden tidak memberi jawapan.

Ini dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden yang dipilih mempunyai minat yang mendalam terhadap program ini. Ia terbukti apabila kebanyakan daripada mereka mengikuti program bina sahsiah belia lebih daripada dua kali di atas dorongan sendiri. Atas sebab itu juga mereka berpendapat bahawa program tersebut telah memberikan faedah dan penambahan pengetahuan kepada mereka melalui program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sebagai contohnya, Encik Anuar Yaman, pengurus persatuan belia dan salah seorang peserta, bersetuju sepertimana kenyataan di atas. Beliau telah beberapa kali mengikuti program ini dan mengakui bahawa banyak faedahnya kepada dirinya terutama dalam pengetahuan ibadat dan sebagainya. Beliau juga sentiasa bekerjasama dengan Jabatan ini bagi menjayakan program-program tersebut dengan menghantar ahli-ahli persatuannya. Beliau sentiasa membantu bagi menjayakan program rakan muda di masjid pada setiap tahun apabila tiba bulan Ramadan (Temubual dengan Encik Anuar bin Yaman, Pengurus Persatuan Belia Sinaran Kampong Benteng, Segambut Kuala Lumpur pada 2 /3/2001). Selain beliau seorang peserta lain pula mengatakan, program kursus kepimpinan belia Islam banyak memberi faedah pada dirinya dan jika ada peluang belia akan

mengikutinya pada masa akan datang (Temubual dengan Encik Mohamad Musa pada 5/4/2001).

#### **4.5.6. Sebab Program Kurang Memberi Faedah**

Berikutnya pula menjelaskan tentang sebab-sebab yang menjadikan program ini kurang memberi faedah kepada responden sepetimana jadual di bawah;

JADUAL 4.10. Sebab Program Kurang Memberi Faedah

Maklumat/Sebab	Bilangan	Peratus
Penyampaian tidak jelas	1	0.6
Penceramah tidak menarik	2	1.2
Penceramah nampaknya tidak bebas untuk memberi pendapatnya	1	0.6
Tajuk ceramah pernah diikuti	4	2.2
Masa soal jawab terlalu pendek	1	0.6
Terdapat unsur-unsur kelucuan dalam ceramah	5	2.8
Isi Ceramah Kurang Berkaitan Dengan Matlamat Program	1	0.6
Tidak Ada Jawapan	160	91.4
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100</b>

Dalam jadual 4.10 di atas, terdapat pelbagai sebab telah diberikan oleh responden yang menyatakan bahawa program yang dijalankan kurang atau tidak memberi faedah. Sebanyak lima (2.8%) responden menyokong pendapat yang menyatakan program kurang faedah kerana terdapat unsur-unsur kelucuan dalam ceramah. Kelucuan ini mungkin agak keterlaluan menyebabkan responden bosan untuk mendengar ceramah yang disampaikan. Pendapat yang kedua terbanyak ialah empat (2.2%) disebabkan terdapat beberapa isi ceramah yang telah mereka ketahui sebelum ini. Terdapat dua (1.2%) responden berpendapat penceramah yang tidak menarik menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada ceramah yang disampaikan, mungkin penceramah tersebut berpakaian tidak formal atau sebagainya.

Seterusnya hanya seorang (0.6%) sahaja masing-masing yang mengatakan di sebab oleh penyampaian tidak jelas oleh penceramah, masa soal jawab terlalu pendek dan penceramah tersebut seperti tidak bebas untuk memberikan pendapatnya yang tersendiri. Selain itu sebanyak 160 (91.4%) responden tidak memberi apa-apa jawapan.

Dari hasil kajian tersebut dapat disimpulkan, bahawa faktor yang menjadikan program ini kurang memberi faedah dan berkesan kepada golongan belia adalah bukan disebabkan kepada program ini, tetapi didorong oleh faktor

kelemahan personaliti penceramah, pendekatan, pengisian dan sebagainya. Keadaan ini menunjukkan bahawa pesonaliti penceramah gagal menjadikan daya penarik kepada keberkesanan program bina sahsiah belia. Faktor-faktor yang dinyatakan ini perlu diambil perhatian oleh pihak yang terlibat dalam mewujudkan program bina sahsiah yang berkesan kepada semua pihak yang menyertainya. Oleh itu, para penceramah perlu kembali membentuk diri menjadi *uswatul hasanah* sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.

#### 4.5.7. Bidang-bidang Yang Berfaedah

Di bawah ini pula menerangkan bidang-bidang yang dapat memberi faedah atau kesan kepada responden setelah mengikuti program tersebut seperti jadual berikut;

JADUAL 4.11. Bidang-bidang Yang Berfaedah

Maklumat	Pilihan 1		Pilihan 2		Pilihan 3		Pilihan 4		Pilihan 5		Pilihan 6		Tidak Jawapan	
	Bil	%	Bil	%										
Menunaikan ibadat khusus	32	18.2	41	23.4	25	14.3	42	24	18	10.3	5	2.9	12	6.9
Meningkatkan ilmu	60	34.2	47	26.9	40	22.9	10	5.7	2	1.1	4	2.3	12	6.9
Sosial/Akhlik	40	22.9	44	25.1	57	32.5	17	9.7	4	2.3	1	0.6	12	6.9
Ekonomi	4	2.3	2	1.1	13	7.4	53	30.3	41	23.4	50	28.6	12	6.9
Pentadbiran	0	0	3	1.7	9	5.1	19	10.9	75	42.9	57	32.5	12	6.9
Menangani perkara-perkara negatif	27	15.4	26	14.9	19	10.8	34	12.7	11	13.1	46	26.2	12	6.9

Keputusan dalam bahagian ini mengkaji bidang-bidang yang berfaedah yang telah dijalankan melalui program ini. Majoriti responden menyokong bahawa program meningkatkan ilmu merupakan program pilihan pertama yang memberikan faedah, iaitu sebanyak 60 (34.28%). Manakala berdasarkan JADUAL 4.11, menunaikan ibadat khusus menjadi pilihan kedua iaitu 41 responden (23.43%). Faktor sosial/akhlak pula menjadi pilihan ketiga berfaedah kepada program yang akan dijalankan oleh jabatan belia dan sukan iaitu sebanyak 57 (32.5%). Seterusnya faktor-faktor lain yang menjadi pilihan keempat, kelima dan keenam ialah antaranya faktor ekonomi 53 responden (30.3%), faktor pentadbiran (75 responden (42.86%) dan menangani perkara-perkara negatif (46 responden (26.28%).

Ini dapat disimpulkan bahawa kebanyakan belia yang mengikuti program bina sahsiah belia telah mendapat faedah dan kesan pada diri mereka dalam berbagai bidang. Ini dapat dilihat melalui beberapa keadaan seperti cara mereka berpakaian dan bertambahnya anak –anak muda di bandar datang kemasjid lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan.

Menurut Encik Hashim bin Sintol, dalam jangka masa panjang beliau mendapati kebanyakan belia yang mengikuti program ini telah menunjukkan perubahan, keinsafan dan kesan dalam diri mereka. Ini dapat dilihat melalui pakaian di mana kalau dahulu pada mulanya mereka tidak memakai tudung, tetapi apabila mereka mengikuti program-program susulan selepasnya mereka ini

telah memakai tudung. Mereka amat berminat untuk mengikuti program-program ini dari masa kesemasa jika mereka mendapat maklumat mengenainya seperti contoh program rakan muda di masjid yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan (Temubual dengan Encik Hashim bin Sintol, Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 11/1/2001).

Kenyataan ini juga disokong oleh Pembantu Belia dan Sukan Kawasan Titiwangsa, Encik Mohd Sudin Mustapha. Beliau menyebutkan, dalam pemerhatiannya kebanyakan peserta yang telah mengikuti program ini ada perubahan terutama peningkatan sosial dan akhlak pada diri peserta. Dari pengalaman beliau dalam melaksanakan program ini dalam beberapa tahun mendapati terdapat golongan muda telah mula mengamal nilai-nilai Islam dan ada peningkatan tentang ibadat yang bertambah dari masa kesemasa (Temubual dengan Encik Mohd Sudin Mustapha pada 11/1/2001). Manakala seorang peserta Kursus Kepimpinan Belia Islam, Cik Hadzlin Abidin menyebutkan, bahawa program ini banyak memberi kefahaman Islam dan meningkat ibadat kepada dirinya (Temubual dengan Cik Hadzlin Abidin pada 12/1/2001).

#### **4.5.8. Masalah Dalam Mengikuti Program**

Bahagian ini melihat kepada perkara-perkara yang menjadi masalah kepada responden untuk mengikuti program yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti jadual berikut;

JADUAL 4.12. Masalah Dalam Mengikuti Program

<b>Maklumat/Masalah</b>	<b>Bersetuju</b>		<b>Tidak Ada Jawapan</b>		<b>Jumlah</b>
	<b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	
Terlalu sibuk dengan urusan kerja	53	30.3	122	69.7	175
Terlalu sibuk dengan urusan peribadi	21	12.0	154	88	175
Masalah kewangan	24	13.7	151	86.3	175
Tidak mendapat maklumat	76	43.4	99	56.6	175
Memilih penceramah/aktiviti	81	46.3	94	53.7	175
Masa diadakan program tidak sesuai	78	44.6	97	55.4	175
Tidak berminat	12	6.9	163	93.1	175

Dalam bahagian ini melihat kepada perkara-perkara yang menjadi masalah kepada responden untuk mengikuti program yang dijalankan. JADUAL 4.13, didapati majoriti responden 81 (46.3%) bersetuju perkara utama yang mereka lihat sebelum menghadiri ceramah ialah penceramah yang

terlibat atau aktiviti yang akan dijalankan sepanjang program. Aktiviti yang dijalankan mungkin akan memberikan beberapa masalah terutamanya kepada golongan yang berumur ataupun yang menghadapi penyakit tertentu. Oleh itu program yang akan dijalankan hendaklah disesuaikan dengan peserta yang akan mengikuti program tersebut.

Masalah kedua yang difikirkan oleh kebanyakan responden juga ialah masa diadakan program tidak sesuai dengan jadual tugas mereka iaitu 78 (44.6%), mungkin disebabkan oleh kesibukan kerja atau masalah rumahtangga. Ini kerana kebanyakan responden yang dikaji merupakan golongan yang bekerja dan berumahtangga. Terdapat juga responden tidak mendapat maklumat mengenai program yang dianjurkan iaitu sebanyak 76 (43.4%). Seterusnya wujud juga kepada responden mengenai masalah kewangan sebanyak 24 (13.7%).

Namun terdapat 12 (6.9%) responden tidak berminat dalam mengikuti program yang dijalankan oleh pihak yang berkenaan. Hanya segelintir sahaja responden berpendapat urusan peribadi menjadi masalah dalam mengikuti program yang dijalankan iaitu sebanyak 21 (12.0%).

Dari analisa di atas dapat disimpulkan, bahawa bukanlah program ini tidak memberi kesan kepada responden, malah ianya sangat memberi kesan kepada diri mereka sepertimana yang dihuraikan dalam jadual-jadual di atas. Tetapi yang menjadi masalah kepada responden ialah pihak pengajur kurang memberi perhatian tentang masa program diadakan, penceramah kurang berwibawa, tiada maklumat program, terlalu sibuk dengan urusan kerja dan sebagainya. Oleh itu pihak pengajur hendaklah mengambil kira terhadap peluang yang ada sesuai dengan citarasa golongan muda tanpa mengeneplikan aturan agama bagi menjamin kejayaan program ini.

#### 4.5.9. Cadangan

Bahagian ini menganalisa cadangan-cadangan bagi memperkemaskan program yang dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diperolehi dari pandangan responden seperti jadual berikut;

JADUAL 4.13. Cadangan

Maklumat/Cadangan	Bersetuju		Tidak Ada Jawapan		Jumlah
	Bil	%	Bil.	%	
Semua program diadakan masa hujung minggu	107	61.1	68	38.9	175
Pegawai perlu ada bersama peserta	80	45.7	95	54.3	175
Perlu tempat yang sesuai seperti ada kemudahan bersukan dan sebagainya	100	57.1	75	42.9	175
Luaskan maklumat semua program	114	65.1	61	34.9	175
Penceramah Yg. Berwibawa	10	5.7	165	94.3	175

Merujuk JADUAL 4.13, sebanyak 114 (65.1%) responden bersetuju supaya pihak jabatan memperluaskan maklumat semua program yang akan dijalankan, 107 (61.1%) responden mencadangkan supaya program dijalankan pada hujung minggu, ini bagi menyenangkan kepada belia yang telah bekerja, 100 (57.1%) responden bersetuju supaya program ini diadakan di tempat yang

sesuai seperti ada kemudahan bersukan bagi waktu lapang, 80 (45.7%) responden bersetuju supaya para pegawai atau kakitangan yang terlibat dalam program ini dapat bersama-sama dalam setiap aktiviti .

Dari hasil kajian tersebut dapat juga dirumuskan bahawa responden mencadangkan supaya tempat dijalankan program mempunyai kemudahan bersukan, rekreasi dan sebagainya. Ini bagi mengelakkan para peserta merasa jemu dan menambahkan lagi keberkesanannya terhadap sesuatu program yang akan dijalankan. Pihak pegawai juga perlu bersama-sama dengan peserta semasa semua program dijalankan. Sebagai contohnya, apabila pegawai bersama peserta, mereka rasa dihargai, dapat mewujudkan semangat kerjasama, kemesraan dan sebagainya. Dengan ini peserta juga tidak akan merasa dibezakan antara pegawai dengan peserta dan ini juga akan menjadi daya tarikan untuk mereka bagi mengikuti program dimasa-masa akan datang.

Antara cadangan lain yang dicadangkan oleh responden ialah makanan yang disediakan kebanyakannya tidak menyelerakan, oleh itu perlu dibuat perubahan terhadap pembekal makanan kepada peserta. Responden juga mencadangkan supaya pihak yang terlibat mendapatkan penceramah yang berkaliber, menarik, berpengalaman tinggi dan sebagainya. Keadaan ini akan dapat meningkatkan keyakinan mereka kepada ceramah yang disampaikan. Penceramah ini memainkan peranan yang amat penting dalam keberkesanannya program kepada individu yang terlibat. Ceramah agama juga perlu

diperbanyakkan dalam aktiviti tersebut. Ini bagi meningkatkan pembangunan insan dalam setiap peserta yang terlibat dalam program yang dijalankan.

#### **4.5.10. Tabulasi Silang di Antara Jantina dan Program Bina Sahsiah Menambahkan Pengetahuan**

Berikutnya pula menunjukkan tabulasi silang di antara jantina dan program Bina Sahsiah menambahkan pengetahuan dalam sesuatu perkara seperti jadual di bawah;

**JADUAL 4.14. Tabulasi Silang di Antara Jantina dan Program Bina Sahsiah Menambahkan Pengetahuan**

<b>Maklumat</b>	<b>Memberi faedah</b>	<b>Lelaki</b>		<b>Perempuan</b>		<b>Jumlah</b>	$\chi^2$
		<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>%</b>	
Menambah pengetahuan	Banyak	109	62.3	44	25.1	87.4	4.668 0
	Sederhana	3	1.7	2	1.1	2.9	
	Kurang	1	0.6	1	0.6	1.1	
	Tiada	-	-	1	0.6	0.6	
	Tidak pasti	2	1.1	-	-	1.1	

Jadual 4.14, menunjukkan tabulasi silang di antara jantina dan program Bina Sahsiah menambahkan pengetahuan dalam sesuatu perkara. Seramai 153 (87.4%) responden mengatakan program ini memberi banyak faedah kepada peserta yang mengambil bahagian. Jumlah ini merangkumi 109 (62.3%) responden lelaki, dan 44 (25.1) responden perempuan. Hanya seorang responden

atau 0.6% yang mengatakan program ini tidak mendatangkan faedah langsung. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan pendapat yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan berhubung kenyataan yang mengatakan program ini banyak memberikan faedah kepada para peserta ( $\chi^2=4.668$ , dk =5, p=0.458)

#### **4.5.11. Tabulasi Silang di antara Jantina dan Program Bina Sahsiah Mampu untuk Memperbaiki Penghayatan Sahsiah.**

Jadual ini pula, menunjukkan tabulasi silang di antara jantina dan program bina sahsiah belia mampu untuk memperbaiki penghayatan sahsiah kepada peserta yang mengikutinya seperti jadual berikut;

**JADUAL 4.15. Tabulasi Silang di antara Jantina dan Program Bina Sahsiah Mampu Untuk Memperbaiki Penghayatan Sahsiah.**

<b>Maklumat</b>	<b>Jawapan</b>	<b>Lelaki</b>		<b>Perempuan</b>		<b>Jumlah</b>	$\chi^2$	0.1
		<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>%</b>		
Melalui program ini boleh memperbaiki penghayatan sahsiah	Bersetuju	95	54.3	44	25.1	79.4	6.450	0.1
	Tidak							
	Bersetuju	5	2.9	1	0.6	3.4		
	Kurang Pasti	15	8.6	2	1.1	9.7		

Dalam jadual 4.15, menunjukkan tabulasi silang di antara jantina dan program bina sahsiah belia mampu untuk memperbaiki penghayatan sahsiah kepada peserta yang mengikutinya. Seramai 139 (79.4%) responden mengatakan bahawa program ini mampu untuk memperbaiki penghayatan sahsiah kepada peserta yang menyertainya. 95 (54.3%) responden terdiri daripada lelaki dan 44 (25.1%) responden terdiri daripada perempuan. Enam (3.4%) responden menyatakan bahawa program ini tidak mampu untuk membina sahsiah peserta manakala 17 (9.7) lagi peserta tidak pasti sama ada program ini boleh meningkatkan sahsiah atau tidak. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan pendapat yang signifikan di antara kedua-dua jantina responden tentang kemampuan program ini membina sahsiah para peserta ( $\chi^2=6.450$ , dk=4,  $p=0.168$ ).

#### 4. 6. Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, adalah disimpulkan bahawa;

1. Majoriti responden bersetuju program bina sahsiah belia yang dijalankan oleh Jabatan Belia Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberi faedah dan berkesan kepada mereka dalam berbagai bidang seperti dapat mempertingkatkan ilmu, ibadat, sosial/akhlak dan sebagainya.

2. Walaupun begitu pihak Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu membuat beberapa perubahan seperti;
  - a. Memperuntukkan kewangan yang mencukupi bagi memberi menampung perbelanjaan program dan saguhati kepada peserta yang menghadapi masalah kewangan untuk mengikutinya.
  - b. Membuat pembaharuan terhadap setiap program yang akan dijalankan. Ini bagi mengelakkan peserta yang terlibat mengikuti program/aktiviti yang sama sahaja dalam setiap program yang dijalankan.
  - c. Melaksanakan program sesuai dengan masa dihujung minggu bagi memberi peluang golongan yang bekerja.
  - d. Bagi menambahkan minat golongan belia terhadap program ini, Jabatan ini disarankan melaksanakan program-program tersebut di luar kawasan Kuala Lumpur untuk menggelakkan kesibukan kota dan dapat melihat sendiri suasana kehidupan masyarakat di luar bandar bagi menambah pengalaman peserta.
  - e. Mempastikan pengisian program ini adalah terdiri daripada penceramah-penceramah yang berwibawa dan diminati golongan belia, supaya mereka tidak bosan dan jemu terhadap program ini.
  - f. Penyelidikan perlu dibuat oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari masa kesemasa bagi mencari jalan dan mengenalpasti keperluan terhadap setiap program yang hendak dijalankan. Sebagai contohnya, tentang kurikulum, pelaksanaan program dan sebagainya perlu diubahsuai mengikut keadaan semasa. Pelaksanaan

program, penumpuan aktiviti juga perlu terhadap belia-belia yang masih menganggur, ini bagi mengelakkan timbulnya masalah sosial seperti gejala lepak dan sebagainya.

3. Selain Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pelbagai pihak disaran memainkan peranan dalam menjayakan program-program ini sebanyak mungkin terhadap golongan belia. Sebagai contohnya, kerjasama dari badan-badan bukan kerajaan dan para peserta perlu bagi membantu Jabatan berkenaan untuk menjayakan program ini. Keikhlasan semua pihak sangat penting, kerana tanpa keikhlasan dari mereka, maka program ini tidak akan berjaya dilaksanakan walaupun pihak Jabatan ini dan pihak-pihak lain telah menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya.